

## NEGERI SABAH

JPAN(S): 900-1/216/1 ( 55 )

### PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 7/ 2017

#### PELAKSANAAN TAPISAN KESELAMATAN BAGI PEGAWAI YANG DILANTIK DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

#### TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah ini bertujuan memaklumkan persetujuan Kerajaan Negeri untuk menerima pakai pelaksanaan tapisan keselamatan bagi pegawai baharu yang dilantik dalam Perkhidmatan Awam selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011.

#### DEFINISI

2. Dalam pekeling ini :

2.1 **"Pegawai"** ertinya semua pegawai dalam perkhidmatan awam negeri yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah atau Pihak Berkuasa Melantik yang berbeza.

2.2 **"Tapisan Keselamatan"** bermaksud proses memeriksa latar belakang pegawai oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) bagi memastikan pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam bebas dan bersih daripada anasir subversif, espionaj dan sabotaj. Proses ini dilaksanakan melalui:

- (a) **Tapisan Keselamatan Kasar** yang digunakan untuk menapis pegawai awam yang dikehendaki melihat perkara-perkara terperingkat atau peringkat Sulit; dan
- (b) **Tapisan Keselamatan Halus** yang digunakan untuk menapis pegawai awam yang sentiasa dikehendaki melihat perkara terperingkat Rahsia atau Rahsia Besar.

## **LATAR BELAKANG**

3. Bagi menyegerakan urusan pelantikan ke perkhidmatan awam, Kerajaan telah memutuskan pegawai yang dilantik hendaklah menjalani tapisan keselamatan melalui Sistem Tapisan Keselamatan e-Vetting dengan melayari laman sesawang <http://www.cgso.gov.my>.

## **PELAKSANAAN TAPISAN KESELAMATAN**

4. Pegawai baharu yang dilantik adalah dikehendaki menjalani tapisan keselamatan dan mengemukakan keputusannya dalam tempoh 30 hari mulai tarikh melaporkan diri bertugas.

5. Pihak Jabatan atau Agensi Kerajaan perlu menetapkan dua (2) orang pegawai untuk bertanggungjawab sebagai Pentadbir Pengguna Sistem (*admin user*). Pegawai ini hendaklah menyemak, membuat pengesahan ke atas permohonan dan seterusnya memajukan permohonan tapisan keselamatan kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan keputusan sewajarnya. Sebarang keputusan tapisan keselamatan perlu direkodkan dalam Buku Perkhidmatan dan Sistem Maklumat Sumber Manusia (SM2) pegawai.

6. Sekiranya pihak Jabatan atau Agensi Kerajaan mendapati pegawai-pegawai yang dinilai tidak melepasi tapisan keselamatan, Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk melaporkan secara bertulis perkara berkenaan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri untuk tindakan selanjutnya.

## **TARIKH KUAT KUASA**

7. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.


## **PEMAKAIAN**

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

## **AM**

9. Sebarang pertanyaan berhubung dengan pelaksanaan pekeliing ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

## **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**( TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN )**

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Jabatan Ketua Menteri

**KOTA KINABALU**

Tarikh : 28 Disember 2017

s.k      Setiausaha  
            Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah  
            Tingkat 3 & 4, Blok B, Wisma MUIS  
            **88811 KOTA KINABALU**

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri, Aras-1, 1 & 2 Blok B7  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA**

Pengarah Negeri  
Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia, Negeri Sabah  
Jabatan Perdana Menteri, Aras 6, Blok A  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
Jalan UMS  
**88400 KOTA KINABALU**

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil